



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM AKADEMIK JOINT SUPERVISION/JOINT DEGREE/DUAL DEGREE/DOUBLE DEGREE DI PERINGKAT PASCA SISWAZAH

MAJLIS DEKAN PENGAJIAN SISWAZAH (MDPS)

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini diwujudkan bagi menyelaraskan pelaksanaan program **penyeliaan bersama** (*joint supervision*), **ijazah bersama** (*joint degree*), **dual ijazah** (*dual degree*) dan **dwi ijazah** (*double degree*) di peringkat pasca siswazah dalam kalangan universiti awam dan universiti swasta Malaysia.

2.0 DEFINISI

Takrifan program akademik bagi universiti awam dan swasta di Malaysia adalah seperti berikut:

PERKATAAN/ISTILAH	TAKRIFAN
Penyeliaan Bersama (<i>Joint Supervision</i>)	Program pengajian yang melibatkan pelantikan penyelia luar daripada universiti berdasarkan kepakaran dan bidang penyelidikan. Penganugerahan ijazah melibatkan satu universiti sahaja.
Ijazah Bersama (<i>Joint Degree</i>)	Program pengajian yang dijalankan secara kerjasama melibatkan pemilikan dan pembangunan kurikulum antara universiti tempatan dengan universiti tempatan lain atau universiti tempatan dengan universiti luar negara yang membawa kepada satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti.
Dual Ijazah (<i>Dual Degree</i>)	Kerjasama akademik yang melibatkan penawaran dua program daripada dua bidang yang sama atau hampir sama dari dua universiti berbeza sama ada dalam atau luar negara. Komponen pengajian yang diambil oleh pelajar di universiti yang bekerjasama perlu mematuhi dasar pemindahan kredit sedia ada. Apabila tamat pengajian, pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan daripada universiti yang bekerjasama.

Dwi Ijazah <i>(Double Degree)</i>	Kerjasama akademik melibatkan penggabungan penawaran dua program daripada dua bidang berbeza . Program ini boleh melibatkan satu institusi sama atau di antara dua institusi yang berbeza . Apabila tamat pengajian, pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan .
--------------------------------------	--

Rujukan: Garis Panduan Permohonan Program Akademik, Kementerian Pendidikan Tinggi (2015), ms. 13.

3.0 PENYELIAAN BERSAMA (*JOINT SUPERVISION*)

3.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

- 3.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program penyeliaan bersama adalah fakulti.
- 3.1.2 Pemilik program penyeliaan bersama adalah pihak *home university*.
- 3.1.3 Proses pelaksanaan program penyeliaan bersama tidak memerlukan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tidak memerlukan Memorandum Perjanjian (MoA).

3.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 3.2.1 Syarat kemasukan program penyeliaan bersama perlu merujuk kepada syarat yang ditetapkan di *home university* sahaja.
- 3.2.2 Pendaftaran pelajar program penyeliaan bersama perlu dilakukan di *home university* sahaja.
- 3.2.3 Bayaran yuran pengajian bagi pelajar program penyeliaan bersama perlu dibuat di *home university* sahaja.

3.3 Struktur Kurikulum Program

- 3.3.1 Program penyeliaan bersama melibatkan penggunaan istilah *home* dan *host university*.
- 3.3.2 Struktur kurikulum program penyeliaan bersama ditentukan oleh *home university* sahaja.
- 3.3.3 Pelaksanaan program penyeliaan bersama adalah dijalankan secara serentak.
- 3.3.4 Program penyeliaan bersama tidak melibatkan perpindahan kredit kecuali bagi kursus kaedah penyelidikan berdasarkan keperluan program.
- 3.3.5 Pelajar yang mengikuti program penyeliaan bersama tidak wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus.

3.4 Perlaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva

- 3.4.1 Pelantikan penyelia bagi program penyeliaan bersama adalah melibatkan penyelia utama dari *home university* dan penyelia bersama dari *host university*.

- 3.4.2 Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.
- 3.4.3 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di *home university*.
- 3.4.4 Program penyeliaan bersama hanya boleh dilaksanakan bagi program jenis penyelidikan sepenuhnya.
- 3.4.5 Program penyeliaan bersama melibatkan penyediaan satu tesis sahaja dan satu sesi peperiksaan lisan.

3.5 Penganugerahan

- 3.5.1 Syarat penganugerahan program penyeliaan bersama adalah memenuhi syarat penganugerahan yang ditetapkan oleh *home university*.
- 3.5.2 Pelajar program penyeliaan bersama akan menerima satu skrol penganugerahan yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh *home university*.
- 3.5.3 *Nomenclature* penganugerahan penyeliaan bersama adalah mengikut nama program di *home university*.

4.0 IJAZAH BERSAMA (*JOINT DEGREE*)

4.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

- 4.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program ijazah bersama adalah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 4.1.2 Pemilik program ijazah bersama adalah kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan.
- 4.1.3 Proses pelaksanaan program ijazah bersama bagi program semasa tidak memerlukan permohonan baru ke pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi tujuan akreditasi. Walau bagaimanapun, program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA, dan memerlukan Memorandum Perjanjian (MoA). Bagi universiti yang berstatus SWA akreditasi, proses akreditasi dijalankan oleh unit kualiti universiti. Keperluan MoA adalah tertakluk kepada amalan universiti (Lembaga Pengarah Universiti) masing-masing.

4.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 4.2.1 Syarat kemasukan program ijazah bersama perlu merujuk kepada syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti.
- 4.2.2 Bagi program yang hanya melibatkan kerjasama antara universiti dalam negara sahaja, pendaftaran pelajar perlu dilakukan di *home university* sahaja. Bagi program yang melibatkan kerjasama dengan universiti luar negara, pendaftaran pelajar boleh melibatkan *home* dan *host university* berdasarkan keperluan.
- 4.2.3 Bayaran yuran pengajian bagi pelajar program ijazah bersama perlu dibuat di *home university* sahaja. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui dengan universiti yang bekerjasama.

4.3 Struktur Kurikulum Program

- 4.3.1 Program ijazah bersama melibatkan penggunaan istilah *home* dan *host university*.
- 4.3.2 Struktur kurikulum program ijazah bersama ditentukan bersama oleh kedua-dua universiti.
- 4.3.3 Pelaksanaan program ijazah bersama adalah dijalankan secara serentak atau berturutan.
- 4.3.4 Program ijazah bersama tidak melibatkan perpindahan kredit.
- 4.3.5 Pelajar yang mengikuti program ijazah bersama tidak wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus.
- 4.3.6 Tempoh minimum program sangkutan adalah berdasarkan kesediaan dan peraturan universiti yang menawarkan.

4.4 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva

- 4.4.1 Pelantikan penyelia bagi program ijazah bersama adalah melibatkan penyelia utama dari *home university* dan penyelia bersama dari *host university*.
- 4.4.2 Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.
- 4.4.3 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti.
- 4.4.4 Program ijazah bersama boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / kerja kursus dan penyelidikan / penyelidikan).
- 4.4.5 Program ijazah bersama melibatkan penyediaan satu tesis sahaja dan satu sesi peperiksaan lisan.

4.5 Penganugerahan

- 4.5.1 Syarat penganugerahan program ijazah bersama adalah memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 4.5.2 Pelajar program ijazah bersama akan menerima satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti atau tertakluk kepada persetujuan.
- 4.5.3 Pernyataan jenis program ijazah bersama adalah tercatat di transkrip sahaja.
- 4.5.4 *Nomenclature* penganugerahan ijazah bersama adalah mengikut nama yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti.

5.0 DUAL IJAZAH (*DUAL DEGREE*)

5.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

- 5.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program dual ijazah adalah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 5.1.2 Pemilik program dual ijazah adalah kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan.
- 5.1.3 Proses pelaksanaan program dual ijazah bagi program semasa tidak memerlukan permohonan baru ke pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi tujuan akreditasi. Walau bagaimanapun, program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA, dan memerlukan Memorandum Perjanjian (MoA). Bagi universiti yang berstatus SWA akreditasi, proses akreditasi dijalankan oleh unit kualiti universiti. Keperluan MoA adalah tertakluk kepada amalan universiti (Lembaga Pengarah Universiti) masing-masing.

5.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 5.2.1 Syarat kemasukan program dual ijazah perlu mematuhi syarat kedua-dua program yang ditetapkan universiti masing-masing.
- 5.2.2 Pendaftaran pelajar program dual ijazah perlu dilakukan di kedua-dua universiti.
- 5.2.3 Bayaran yuran pengajian program dual ijazah perlu dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam Memorandum Perjanjian (MoA).

5.3 Struktur Kurikulum Program

- 5.3.1 Program dual ijazah melibatkan penggunaan istilah *home* dan *host university*.
- 5.3.2 Struktur kurikulum program dual ijazah ditentukan bersama oleh kedua-dua universiti.
- 5.3.3 Perlaksanaan program dual ijazah adalah dijalankan secara serentak atau berturutan.
- 5.3.4 Program dual ijazah yang dilaksanakan secara kerja kursus sepenuhnya tidak melibatkan perpindahan kredit.
- 5.3.5 Pelajar yang mengikuti program dual ijazah wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus di *host university*.
- 5.3.6 Tempoh minimum program sangkutan adalah 6 bulan atau 1 semester.

5.4 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva

- 5.4.1 Pelantikan penyelia bagi program dual ijazah adalah melibatkan penyelia utama dari kedua-dua universiti.
- 5.4.2 Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.
- 5.4.3 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti.
- 5.4.4 Program dual ijazah boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / kerja kursus dan penyelidikan / penyelidikan).
- 5.4.5 Bilangan sesi peperiksaan lisan dijalankan dalam program dual ijazah adalah bergantung kepada peraturan akademik kedua-dua universiti.
- 5.4.6 Program dual ijazah melibatkan penyediaan satu tesis sahaja.

5.5 Penganugerahan

- 5.5.1 Syarat penganugerahan program dual ijazah adalah memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 5.5.2 Pelajar akan menerima dua skrol (*interlocking scroll*) yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam program dual ijazah ini. Pernyataan khas (*linking statement*) yang menghubungkan dua skrol penganugerahan perlu tercatat di dalam skrol. Contoh *linking statement* adalah seperti di lampiran.
- 5.5.3 Pernyataan jenis program dual ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.
- 5.5.4 *Nomenclature* penganugerahan dual ijazah adalah mengikut program kedua-dua universiti.

6.0 DWI IJAZAH (*DOUBLE DEGREE*)

6.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

- 6.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program dwi ijazah adalah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 6.1.2 Pemilik program dwi ijazah adalah kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan.
- 6.1.3 Proses pelaksanaan program dwi ijazah bagi program semasa tidak memerlukan permohonan baru ke pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi tujuan akreditasi. Walau bagaimanapun, program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA, dan memerlukan Memorandum Perjanjian (MoA). Bagi universiti yang berstatus SWA akreditasi, proses akreditasi dijalankan oleh unit kualiti universiti. Keperluan MoA adalah tertakluk kepada amalan universiti (Lembaga Pengarah Universiti) masing-masing.

6.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 6.2.1 Syarat kemasukan program dwi ijazah perlu mematuhi syarat kedua-dua program yang terlibat, yang mana lebih tinggi. Program dwi ijazah adalah hanya untuk pelajar yang mempunyai rekod akademik cemerlang.
- 6.2.2 Pendaftaran pelajar program dwi ijazah perlu dilakukan di kedua-dua universiti.
- 6.2.3 Bayaran yuran pengajian bagi pelajar program dwi ijazah perlu dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam Memorandum perjanjian (MoA).

6.3 Struktur Kurikulum Program

- 6.3.1 Program dwi ijazah melibatkan penggunaan istilah *home* dan *host university*.
- 6.3.2 Struktur kurikulum program dwi ijazah ditentukan oleh kedua-dua universiti atau kedua-dua fakulti sekiranya dijalankan oleh universiti yang sama.
- 6.3.3 Perlaksanaan program dwi ijazah boleh dijalankan secara serentak atau berturutan.
- 6.3.4 Peratus perpindahan kredit kursus yang dibenarkan untuk program ijazah bersama ialah maksimum 50%.
- 6.3.5 Pelajar yang mengikuti program dwi ijazah wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus.
- 6.3.6 Tempoh minimum program sangkutan adalah 6 bulan atau 1 semester.

6.4 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva

- 6.4.1 Pelantikan penyelia bagi program dwi ijazah adalah melibatkan penyelia utama dari kedua-dua universiti.
- 6.4.2 Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.
- 6.4.3 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti.
- 6.4.4 Program dwi ijazah boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / kerja kursus dan penyelidikan / penyelidikan).
- 6.4.5 Bilangan sesi peperiksaan lisan dijalankan dalam program dwi ijazah adalah bergantung kepada peraturan akademik kedua-dua universiti.
- 6.4.6 Program dual ijazah secara penyelidikan sepenuhnya mesti melibatkan penghasilan dua tesis dengan perbezaan skop kajian sebanyak 70% antara tesis.

6.5 Penganugerahan

- 6.5.1 Syarat penganugerahan program dwi ijazah adalah memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 6.5.2 Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam program dwi ijazah ini.
- 6.5.3 Pernyataan jenis program dwi ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.
- 6.5.4 *Nomenclature* penganugerahan dwi ijazah adalah mengikut program kedua-dua universiti.
- 6.5.5 Pelajar boleh dianugerahkan satu ijazah sahaja jika tidak memenuhi keperluan graduasi bagi program yang kedua.

7.0 CADANGAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

Dicadangkan garis panduan ini digunapakai oleh universiti awam dan swasta di Malaysia bagi penawaran program pasca siswazah dalam bentuk penyeliaan bersama (*joint supervision*), ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan dwi ijazah (*double degree*). Walau bagaimanapun, pihak universiti boleh mencadangkan perkara lain tentang pelaksanaan program penyeliaan bersama (*joint supervision*), ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan dwi ijazah (*double degree*) di universiti masing-masing selain daripada yang tercatat dalam garis panduan dengan kelulusan senat universiti.

Pelaksanaan program ijazah bersama, dual ijazah dan dwi ijazah tidak boleh dilaksanakan dalam bentuk pengesahan (*validation*) penganugerahan ijazah oleh universiti kedua tanpa pelajar mengikuti sebahagian pengajian di universiti tersebut. Bagi program dual ijazah dan dwi ijazah, pelajar mesti memenuhi keperluan graduasi kedua-dua universiti.

Garis panduan ini berkuatkuasa bagi pelaksanaan program penyeliaan bersama (*joint supervision*), ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan dwi ijazah (*double degree*) yang akan ditawarkan pada sesi 2017/2018 dan seterusnya. Bagi program yang telah dijalankan sebelum ini, penyesuaian perlaksanaannya perlu dibuat oleh universiti masing-masing agar selari dengan garis panduan ini.

8.0 RUJUKAN

- 1) Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua (2016). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 2) Garis Panduan Permohonan Program Akademik Edisi Kedua (2015). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 3) Kompilasi Dasar Tahun 2009-2013 (2014). Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- 4) Kompilasi Dasar Tahun 2015-2016. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Agensi Kelayakan Malaysia.
- 5) Pekeliling BPPA, Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2016.
- 6) Polisi Program Berganda dan Usahasama Pengajian Siswazah UTM
- 7) Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah di UTM
- 8) Dapatan Soal Selidik dalam kalangan ahli MDPS (1&2), Bengkel Pemurnian Garis Panduan MDPS 25 Ogos 2017

9.0 AHLI MDPS

Ahli MDPS yang hadir dalam Bengkel Pemurnian Garis Panduan MDPS 25 Ogos 2017 ialah:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Prof. Dr. Zaidatun Tasir	Pengerusi MDPS 2016/2017 Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, UTM
2.	Prof. Dr. Norshuhada Shiratuddin	Dekan Awang Had Salleh Graduate School, UUM
3.	Prof. Dr. Mahzan Arshad	Dekan Institut Pengajian Siswazah, UPSI
4.	Dato' Prof. Ir. Dr. Norashidah Md Din	Dekan Kolej Pengajian Siswazah, UNITEN
5.	Prof. Dr. Mohamad Yusoff Alias	Pengarah Institut Pengajian Siswazah, MMU
6.	Prof. Madya Dr. Aminah Md Yusof	Setiausaha MDPS 2016/2017 Timb. Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, UTM
7.	Dr. Adlina Ariffin	Timb. Dekan Pusat Pengajian Siswazah, UIAM
8.	Prof. Madya Dr. Hasrina Mustafa	Timb. Dekan Institut Pengajian Siswazah, USM
9.	Prof. Madya Dr. Tang Sai Hong	Timb. Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, UPM
10.	Prof. Madya Dr. Fatma Susilawati Mohamad	Timb. Dekan Pusat Pengajian Siswazah, UniSZA
11.	Prof. Madya Dr. Abdul Jalil Mohamed Ali	Ketua Pengajian Siswazah (Program Kerja Kursus) Institut Pengajian Siswazah, UiTM
12.	Prof. Madya Dr. Ir. Nasharuddin Zainal	Ketua Perancangan dan Pembangunan Strategik Siswazah Pusat Siswazah, UKM
13.	En. Roslan Ismail	Wakil Institut Pengajian Siswazah, USM
14.	En. Saiful Azlin Maskan	Wakil Sekolah Pengajian Siswazah, UPM
15.	En. Noor Azman Dollah	Wakil Pusat Pengajian Siswazah, UPNM
16.	Pn. Siti Norliyana Ramlee	Wakil Institut Pengajian Siswazah, UM
17.	En. Mohd Julian Borhanuddin	Wakil Institut Pengajian Siswazah, UM

10.0 LAMPIRAN

Jadual Pelaksanaan Program Akademik Joint Supervision/Joint Degree/Dual Degree/Double Degree Di Peringkat Pasca Siswazah

Proses Kelulusan Penawaran Program

	JOINT SUPERVISION	JOINT DEGREE	DUAL DEGREE	DOUBLE DEGREE
Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	Fakulti	KPT	KPT	KPT
Pemilikan	Dimiliki oleh <i>home university</i>	Dimiliki oleh kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti yang menganugerahkan kelayakan
*Akreditasi	Proses pelaksanaan tidak memerlukan akreditasi oleh MQA	Proses pelaksanaan program semasa tidak memerlukan permohonan baru akreditasi. Program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA	Proses pelaksanaan program semasa tidak memerlukan permohonan baru akreditasi. Program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA	Proses pelaksanaan program semasa tidak memerlukan permohonan baru akreditasi. Program baharu perlu melalui proses akreditasi sementara dan akreditasi oleh MQA
**MOA	Tidak memerlukan MOA	Memerlukan MOA	Memerlukan MOA	Memerlukan MOA

*Bagi universiti yang berstatus SWA - akreditasi, proses akreditasi dijalankan oleh unit kualiti universiti. Program di *host university* perlu mendapat akreditasi di negaranya.

**Tertakluk kepada amalan universiti (LPU) masing-masing.

Kemasukan dan Pendaftaran Program

	JOINT SUPERVISION	JOINT DEGREE	DUAL DEGREE	DOUBLE DEGREE
Syarat Kemasukan	Merujuk kepada <i>home university</i> sahaja	Merujuk kepada syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti	Mematuhi syarat kedua-dua program yang ditetapkan universiti masing-masing.	Mematuhi syarat kedua-dua program yang terlibat, yang mana lebih tinggi. Hanya untuk pelajar yang mempunyai rekod akademik cemerlang.
Pendaftaran Pelajar	Di <i>home university</i> sahaja	*Di <i>home university</i> sahaja	Di kedua-dua universiti	Di kedua-dua universiti
**Yuran Pelajar	Bayaran di <i>home university</i> sahaja	Bayaran di <i>home university</i> sahaja	Bayaran di kedua-dua universiti	Bayaran di kedua-dua universiti

*Bagi program yang melibatkan universiti dalam negara, pendaftaran hanya di *home university*

**Berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui dengan universiti kedua tersebut

Struktur Kurikulum Program

	JOINT SUPERVISION	JOINT DEGREE	DUAL DEGREE	DOUBLE DEGREE
Istilah Home dan Host University	Penggunaan istilah <i>home</i> dan <i>host university</i>	Penggunaan istilah <i>home</i> dan <i>host university</i>	Penggunaan istilah <i>home</i> dan <i>host university</i>	Penggunaan istilah <i>home</i> dan <i>host university</i>
Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh <i>home university</i> sahaja	Ditentukan bersama oleh kedua-dua universiti	Ditentukan bersama oleh kedua-dua universiti	Ditentukan oleh kedua-dua universiti atau kedua-dua fakulti sekiranya dijalankan oleh universiti yang sama
Perlaksanaan	Program secara serentak	Program secara serentak atau berturutan	Program secara serentak atau berturutan	Program secara serentak atau berturutan
Perpindahan Kredit	**NA	NA	NA	Ya
% Perpindahan Kredit	NA	NA	NA	50%
Program Sangkutan Penyelidikan / Kelas / Kursus	Tidak wajib	Tidak wajib	Wajib	Wajib
*Tempoh Minimum Program Sangkutan Penyelidikan	Tiada	Berdasarkan kesediaan dan peraturan universiti yang menawarkan	6 bulan atau 1 sem	6 bulan atau 1 sem

*Bagi program pasca siswazah.

** Boleh dipertimbangkan bagi kursus Kaedah Penyelidikan

Perlaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva

	JOINT SUPERVISION	JOINT DEGREE	DUAL DEGREE	DOUBLE DEGREE
Konsep Perlantikan Penyelia	Penyelia utama (<i>home university</i>) dan penyelia bersama (<i>host university</i>)	Penyelia utama (<i>home university</i>) dan penyelia bersama (<i>host university</i>)	Penyelia utama (kedua-dua universiti)	Penyelia utama (kedua-dua universiti)
Bilangan Penyelia	1 penyelia dari kedua-dua universiti	1 penyelia dari kedua-dua universiti	1 penyelia dari kedua-dua universiti	1 penyelia dari kedua-dua universiti
Bilangan Pemeriksa	Mengikut <i>home university</i>	Dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti	Dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti	Dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti
Jenis Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan / Penyelidikan)	Program penyelidikan sahaja	Semua jenis program	Semua jenis program	Semua jenis program
Bilangan Sesi Viva	1 sesi viva	1 sesi viva	Bergantung kepada peraturan akademik kedua-dua universiti	Bergantung kepada peraturan akademik kedua-dua universiti
Bilangan Tesis	1 tesis	1 tesis	1 tesis	2 tesis
% Perbezaan Dua Tesis	Tiada	Tiada	Tiada	70%

Nota: Bilangan penyelia yang ditetapkan adalah bilangan minimum

Penganugerahan

	JOINT SUPERVISION	JOINT DEGREE	DUAL DEGREE	DOUBLE DEGREE
Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan <i>home university</i>	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti
Bilangan Skrol	1 skrol	1 skrol	2 skrol (<i>interlocking scroll</i>)	2 skrol
Format Skrol	1 logo dan ditandatangani oleh <i>home university</i>	2 logo dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti atau tertakluk kepada persetujuan	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti
Pernyataan Jenis Program	NA	Tercatat di transkrip sahaja	Tercatat di transkrip sahaja	Tercatat di transkrip sahaja
Nomenclature Penganugerahan	Mengikut program <i>home university</i>	Mengikut nama yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti	Mengikut program kedua-dua universiti	Mengikut program kedua-dua universiti

Contoh Pernyataan Khas (*Linking Statement*)

This degree is conferred under a Dual Degree Program agreement between xxxxxxxxxxxxxxxx and xxxxxxxxxxxxxxxx.

Majlis Dekan Pengajian Siswazah 2017/2018
28 Februari 2018